



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



**MOTIVASI DAN PEMBENTUKAN KARAKTER MELALUI
TEKNIK DRAMA MENGGUNAKAN PENDEKATAN
PEMBELAJARAN KONSTRUKTIVISME DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOMPONEN SASTERA
DI SEKOLAH MENENGAH**

*MOTIVATION AND CHARACTER FORMATION THROUGH DRAMA
TECHNIQUES USING A CONSTRUCTIVIST LEARNING APPROACH IN THE
TEACHING AND LEARNING OF LITERARY COMPONENT IN SECONDARY
SCHOOL*

Suzeety Sabinus¹, Siew Nyet Moi^{2*}, Habibie Ibrahim³

¹ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: 23ty95@gmail.com / 0148741706

² Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: sopiah@ums.edu.my

³ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: hibrahim@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 29.11.2022

Revised date: 15.12.2022

Accepted date: 28.12.2022

Published date: 01.06.2023

To cite this document:

Sabinus, S., Siew, N. M., & Ibrahim, H. (2023). Motivasi Dan Pembentukan Karakter Melalui Teknik Drama Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konstruktivisme Dalam Pengajaran

Abstrak:

Kajian kualitatif ini dilaksanakan untuk meneroka pendekatan pembelajaran konstruktivisme, motivasi dan pembentukan karakter pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Bahasa Melayu menggunakan teknik drama. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah di Tambunan, Sabah dan melibatkan enam orang informan yang terdiri daripada pelajar tingkatan dua yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran KOMSAS menggunakan teknik drama. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual, pemerhatian berstruktur dan analisis dokumen. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan teknik drama yang melibatkan lima pendekatan pembelajaran konstruktivisme memberikan impak yang positif terhadap motivasi dan pembentukan karakter pelajar. Pelajar didapati memperoleh motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam mengikuti teknik drama ini. Nilai etika pula didapati sebagai aspek terbentuk dalam karakter pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik drama

Dan Pembelajaran Komponen Sastera Di Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 01-21.

DOI: 10.35631/IJEPC.850001

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



menggunakan pendekatan pembelajaran konstruktivisme memberikan impak yang positif terhadap motivasi dan pembentukan karakter pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

Kata Kunci:

Bahasa Melayu, Komponen Sastera, Pendekatan Pembelajaran Konstruktivisme, Teknik Drama

Abstract:

This qualitative study was conducted to explore the constructivist learning approach, motivation and student character formation in the teaching and learning of the Literary Component (LC) in Malay language using drama techniques. This study was conducted at a secondary school in Tambunan, Sabah and involved six informants who were second-grade students who followed LC teaching and learning using drama techniques. The data collection methods used are interviews, structured observations and document analysis. The findings of the study found that the use of drama techniques involving five constructivist learning approaches had a positive impact on student motivation and character formation. Students were found to gain intrinsic motivation and extrinsic motivation after following this drama technique. Ethical values are found as an aspect formed in the student's character. The findings of the study show that drama techniques using a constructivist learning approach have a positive impact on student motivation and character formation in the teaching and learning of LC.

Keywords:

Constructivist Learning Approach, Drama Technique, Literary Components, Malay Language

Pengenalan

Komponen Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu atau KOMSAS merupakan satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memartabatkan bahasa Melayu ke tahap yang lebih tinggi. Melalui pembelajaran KOMSAS, murid diberi peluang untuk mengasah dan mempraktikkan kemahiran berbahasa yang mereka telah pelajari. KOMSAS juga boleh digunakan untuk menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Samaon & Subet, 2020), dimana aplikasi kemahiran bahasa yang diterapkan dalam KOMSAS memerlukan pelajar untuk meramal, merumus, menganalisis, membuat inferens, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang mana kemahiran-kemahiran tersebut merupakan kemahiran berfikir aras tinggi. KOMSAS juga telah dikenal pasti sebagai satu instrumen perpaduan dalam kalangan pelajar pelbagai etnik (Chew, 2009).

Drama merupakan salah satu genre sastera yang akan dipelajari oleh pelajar dalam KOMSAS. Teknik drama yang digunakan dalam pengajaran merangsang imaginasi dan memori dengan membiarkan pelajar mengungkapkan pengalaman mereka sendiri untuk menghasilkan dan membina persekitaran yang menarik dan bermakna dalam kelas (Master, 2014). Selain itu, drama menyediakan pelbagai fungsi bahasa yang berbeza kerana drama berkaitan dengan situasi sebenar di mana pelajar menjalankan drama dalam kelas. Selain itu, teknik drama dapat mencapai pengetahuan pelajar yang pelbagai dalam pelbagai cara pembelajaran. Teknik drama dapat menggabungkan minda, badan, firasat, dan emosi untuk membina hubungan peribadi kepada bahan yang digunakan (Clark, 2013). Oleh itu, teknik drama amat sesuai untuk

digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS yang memerlukan kemahiran bahasa yang pelbagai dan kreativiti untuk menjadikan pembelajaran ini menarik dan menyeronokkan. Walau bagaimanapun, teknik pengajaran tradisional yang guru gunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam KOMSAS termasuk genre drama membuatkan pelajar tidak aktif dan tidak dapat menghasilkan idea-idea bernas dalam pembelajaran. Menurut Hamsari dan Yahaya (2012), pelajar tidak berupaya untuk bersikap positif terhadap masalah yang sukar, sukar untuk berfikir pelbagai kaedah untuk menyelesaikan masalah, dan bermasalah dalam merancang strategi dalam Kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana pelajar sudah terbiasa dengan pengajaran tradisional yang hanya menerima arahan daripada guru sahaja. Untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih efektif, pelbagai kaedah telah dilakukan oleh guru-guru Bahasa Melayu seperti menggunakan pendekatan konstruktivisme (Zakaria, 2015) dan menggunakan aktiviti yang berpusatkan pelajar (Jeffrey, 2013). Menurut Zakaria, (2015), pendekatan konstruktivisme yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dilihat lebih berkesan dan dapat meningkatkan prestasi pelajar secara umumnya. Manakala Yusof dan Buntat (2009) pula menerangkan bahawa pendekatan konstruktivisme dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan menjadikan pelajar lebih aktif dalam kelas.

Menurut Mohamad Nasir dan Hamzah (2014), kelemahan penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar ini berkait rapat dengan sikap dan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa berkenaan. Sikap dan motivasi pelajar sangat penting untuk kejayaan mereka mempelajari sesuatu bahasa. Motivasi mempunyai peranan yang besar dalam menentukan kejayaan atau kegagalan dalam pembelajaran bahasa (Awang *et al.*, 2017). Pelajar yang bermotivasi akan menyertai pengajaran dan pembelajaran secara aktif manakala pelajar yang kurang bermotivasi akan hilang tumpuan semasa belajar dan tidak akan memberi perhatian penuh terhadap aktiviti yang dijalankan. Di sisi lain pula, Ramli dan Wahid (2018) pula menyatakan bahawa pendidikan Sastera Melayu dapat memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar. Dalam teknik drama khususnya, Mohamed Ali dan Mohammed Zulkepli (2015) mengatakan bahawa aktiviti lakonan dapat memupuk nilai-nilai seperti tanggungjawab, berdisiplin, sabar, prihatin, kerjasama, dan penghasilan persembahan yang kreatif dan gah. Pelaksanaan teknik drama dilihat dapat membentuk nilai-nilai dalam karakter pelajar.

Dalam kajian-kajian berkaitan dengan penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS, terdapat lompang kajian iaitu kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes yang mengaitkan teknik drama dengan pendekatan pembelajaran konstruktivisme, motivasi dan pembinaan karakter pelajar masih kurang dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka impak penggunaan pendekatan pembelajaran konstruktivisme melalui teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) terhadap motivasi dan pembinaan karakter pelajar.

Sorotan Literatur

Teknik Drama

Teknik merupakan tindakan atau cara yang guru gunakan untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Teknik pengajaran harus dipilih dan dijalankan dengan betul, dan guru harus menguasai teknik pengajaran yang pelbagai agar mereka dapat menyesuaikan teknik tersebut dengan objektif pengajaran dan pembelajaran (Ismail *et al.*, 2010). Drama ialah bentuk karya fiksiyen atau cereka yang mementingkan dialog dan aksi watak. Sesebuah drama yang lengkap

dinamakan skrip. Drama lazimnya dipentaskan atau dilakonkan. Drama juga memerlukan pelakon untuk membawa watak-watak yang ada dalam drama tersebut. Manakala pelakon-pelakon akan melakonkan aksi-aksi dan melafazkan dialog yang disediakan. Drama juga perlu dipentaskan dalam jangka waktu yang terbatas, iaitu kurang daripada tiga jam (Ismail, et al., 2010). Dalam kajian ini, teknik drama bermaksud bagaimana pelajar membawa watak yang ada dalam drama 'Mahkamah' dan bagaimana pelajar mempersembahkan lakonan aksi mereka. Teknik drama ini juga merujuk kepada pengesahan secara spontan atau diatur sama ada bersuara atau tidak. Teknik drama yang dikaji adalah melalui tahap kefahaman pelajar mengenai cerita tersebut dan kebolehan pelajar untuk menganalisis dan menyampaikan mesej yang ada dalam cerita tersebut kepada pelajar lain.

Pendekatan Pembelajaran Konstruktivisme

Menurut teori konstruktivisme, pembelajaran dilihat sebagai satu perubahan yang berlaku akibat daripada pengalaman individu itu sendiri iaitu pengalaman lepas digunakan dalam pembelajaran, dan pengalaman yang luas akan membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi. Mat Jasin dan Shaari (2012) menerangkan bahawa teori konstruktivisme adalah teori yang berpegang kepada prinsip bahawa kefahaman memerlukan penglibatan aktif pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini bermaksud dalam teori konstruktivisme, pelajar lebih memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran mereka berbanding dengan guru dan ianya lebih kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Menurut Borich dan Tombari (1997), pendekatan pembelajaran menurut teori konstruktivisme adalah satu pendekatan yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina kefahamannya terhadap perkara yang dipelajari dengan membuat perkaitan antara pengetahuan lama dan pengetahuan baru. Dalam penulisan Jantan dan Razali (2002), antara jenis-jenis kaedah pembelajaran dalam pendekatan konstruktivisme adalah pembelajaran aktif, koperatif, masteri dan inkuiri. Pendekatan ini banyak memberi peluang kepada pelajar untuk memberikan pandangan sendiri, berkongsi idea, menguasai kemahiran berfikir, dan mengalami pembelajaran berasaskan murid.

Motivasi Pelajar

Motivasi merupakan penggerak yang melibatkan proses membangkitkan, mengekalkan dan mengawal minat (Zubir *et al.*, 2018). Dalam konteks pendidikan, motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana motivasi akan menentukan hasil dan keberkesanan sebuah pengajaran dan pembelajaran. Hamsari dan Yahaya (2012), menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi secara tidak langsung akan berusaha untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Secara lazimnya, terdapat dua bentuk motivasi dalam diri seseorang individu, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik juga dikenali sebagai motivasi dalaman. Menurut Mohd. Majzub (1992), dorongan intrinsik dalam diri seseorang timbul kerana ingin memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi. Dorongan ini timbul dari dalam diri sendiri untuk melakukan sesuatu perkara. Faktor dalam diri yang dikaitkan dengan motivasi ini adalah keperluan, kepuasan sendiri, minat, rasa ingin tahu dan sebagainya. Jika seseorang pelajar mempunyai motivasi intrinsik, pelajar tersebut tidak memerlukan apa-apa insentif atau hukuman untuk melakukan perkara tersebut kerana aktiviti yang dilakukannya itu sendiri sudah dapat memenuhi minat dan kepuasan dalaman pelajar tersebut. Hal ini kerana terdapat sesetengah tingkah laku tersebut dilakukan oleh individu berkenaan bagi mendapat satu bentuk kepuasan dalaman atau motivasi intrinsik hasil daripadanya (Mohamed, 1990).

Motivasi ekstrinsik pula bertentangan dengan motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik ini menjurus kepada keinginan untuk bertindak yang disebabkan oleh faktor dari luaran individu (Sabran, 2005). Motivasi jenis ini memerlukan ganjaran untuk ditimbulkan seperti hadiah, pujian, sijil, mengelak daripada hukuman, dan mendapat perhatian guru atau rakan yang mempunyai tujuan memenuhi keinginan jangka pendek serta sendiri. Motivasi ekstrinsik terjadi disebabkan oleh keinginan terhadap persetujuan dan pengiktirafan semata-mata. Kebiasaannya, pelajar yang mempunyai motivasi ekstrinsik menganggap pembelajaran hanya merupakan jambatan untuk mendapatkan matlamat. Selain itu, proses pemindahan pembelajaran sukar untuk berlaku kerana pelajar melakukan perkara tersebut semata-mata untuk ganjaran dan kadang kala pelajar mudah lupa apa yang telah dipelajari. Pelajar juga sangat bergantung kepada guru atau faktor luaran untuk mencapai kejayaan. Oleh yang demikian, guru harus bijaksana untuk merangsang motivasi ekstrinsik pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pembinaan Karakter Pelajar

Pembinaan karakter merupakan suatu proses yang berlanjutan selagi sebuah bangsa masih ingin wujud. Pembinaan karakter dapat dibentuk melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah sama ada melalui proses pengajaran dan pembelajaran ataupun pembelajaran tidak formal di sekolah. Sekolah seharusnya menjadi tempat untuk mempelajari dan memperkembangkan nilai dan moral bagi memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar yang memiliki identiti, jati diri, dan harga diri untuk membentuk pelajar yang berkarakter unggul. Menurut Zubaedi (2011), karakter individu ditentukan oleh tindakan nilai yang diamalkan bagi menjadi panduan dalam kehidupan masyarakat. Etika pula merupakan salah satu dominan sebagai teras membina karakter pelajar sesuatu bangsa (Ramli & Wahid, 2018). Etika memberi fokus kepada karakter seorang individu, keperibadian atau perwatakan seseorang. Etika juga merupakan suatu perbuatan yang dilakukan hasil daripada pemikiran dan pertimbangan akal budi yang boleh dikaitkan pemikiran yang lebih sistematik untuk kelakuan, motivasi dan situasi dalaman yang disedari oleh pelakunya.

Jika pelajar menjadikan etika sebagai landasan dalam kehidupannya, maka kehidupan pelajar tersebut akan terarah kepada kebaikan yang menjadikan mereka seorang insan yang sempurna. Etika dalam karakter pelajar dapat menerapkan JERI. Penekanan JERI tidak dapat dinafikan dapat membentuk pelajar yang mempunyai sahsiah diri yang unggul (Fathin Bur Ain & Azhar, 2018). Nilai-nilai pembentukan karakter yang boleh dikaitkan dengan etika adalah kejujuran, sikap toleransi, disiplin, kerja keras, kreatif, berdikari, adil, rasa ingin tahu, semangat patriotisma, cinta akan tanah air, menghargai, hubungan yang baik dengan sahabat, sukakan keamanan, suka membaca, sikap prihatin terhadap sesama, bertanggungjawab, tolong menolong, yakin terhadap diri sendiri dan religius (Kristiawan, 2015). Pembentukan nilai dalam karakter pelajar terjadi apabila pelajar dapat mewujudkan nilai-nilai ini selepas menjalani suatu pengajaran dan pembelajaran.

Tujuan Dan Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka penggunaan pendekatan konstruktivisme dalam teknik drama semasa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS, meneroka faktor motivasi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran KOMSAS, dan meneroka pembentukan karakter pelajar selepas pelaksanaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Selaras dengan itu, kajian ini akan menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah pendekatan konstruktivisme yang digunakan dalam teknik drama semasa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS?
2. Apakah faktor motivasi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran KOMSAS selepas pelaksanaan teknik drama?
3. Apakah pembentukan dalam karakter pelajar selepas pelaksanaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS?

Metodologi Kajian

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah menengah di daerah Tambunan, Sabah. Pengkaji memilih sekolah menengah ini kerana sekolah ini mempunyai pencapaian kokurikulum yang baik dalam pertandingan drama KOMSAS. Sekolah ini pernah beberapa kali mewakili negeri ke peringkat kebangsaan dalam pertandingan drama KOMSAS Bahasa Melayu. Selain itu, terdapat beberapa orang guru Bahasa Melayu di sekolah ini yang mengamalkan teknik drama dalam pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu.

Persampelan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih jenis persampelan bertujuan. Persampelan jenis ini memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang diinginkan kerana sampel kajian telah ditentukan. Melalui teknik persampelan ini, pengkaji juga lebih mudah untuk mendapatkan keputusan yang diinginkan kerana pengkaji sendiri yang melakukan kerja-kerja seperti pengumpulan maklumat, pemerhatian atau tinjauan terhadap sampel kajian. Sampel dalam kajian ini terdiri daripada enam orang informan iaitu pelajar tingkatan dua yang terlibat dalam penggunaan teknik drama dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Kaedah pengumpulan data dilakukan secara kualitatif seperti temu bual semi berstruktur, pemerhatian, dan analisis dokumen. Kajian ini menggunakan data terkumpul yang terdiri daripada data primer iaitu maklumat utama adalah diperolehi melalui temu bual dan dokumentasi. Manakala data sekunder pula diperolehi daripada sumber kedua iaitu jurnal dan teori yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Temu Bual

Pengkaji menggunakan temu bual berdasarkan soalan semi struktur dalam suasana yang tidak formal bagi menggalakkan informan berasa selesa dan boleh meluahkan apa yang mereka fikirkan dengan jujur tentang penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Semua perbualan direkodkan dalam transkripsi verbatim iaitu teks penulisan berdasarkan temu bual. Kemudian, pengkaji melakukan analisis kandungan untuk menganalisis data temu bual seperti mana yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994) dan Merriem (1998). Dalam kajian ini, pengkaji juga turut melakukan pengesahan maklumat informan. Perkara ini adalah teknik yang digunakan oleh pengkaji untuk membantu meningkatkan ketepatan, kredibiliti dan kesahihan maklumat yang diperolehi daripada informan. Hal ini adalah untuk mengelakkan sebarang kesalahan maklumat atau salah faham. Selain itu, pengkaji telah menguji kebolehpercayaan soalan temu bual dalam kajian rintis iaitu yang dilakukan kepada suatu kumpulan pelajar tingkatan dua di kelas yang lain. Soalan-soalan yang dibina adalah mengenai bagaimana teknik drama dijalankan dan kesan penggunaan teknik

drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS yang telah dilalui oleh informan. Senarai semak juga disediakan kerana menurut Jasmi (2018), satu panduan pertanyaan dan senarai semak pertanyaan merupakan aspek penting untuk menggali topik utama yang sama daripada responden atau informan berdasarkan objektif yang dikehendaki oleh pengkaji.

Pemerhatian

Dalam kajian ini pengkaji melakukan pemerhatian berstruktur yang menggunakan senarai semak pemerhatian. Menurut Creswell (2002), bahan yang menjadi instrumen kajian penting untuk proses pengumpulan maklumat secara sendiri dengan memerhatikan sampel kajian dan persekitaran tempat kajian. Pengkaji telah menyediakan borang senarai semak, dimana borang ini mencatat tingkah laku pelajar mengikut sela masa yang ditetapkan (Chua, 2014). Dalam kajian ini, pengkaji memerhatikan penggunaan pendekatan pembelajaran konstruktivisme dan menilai karakter pelajar dalam kelas KOMSAS Bahasa Melayu sebelum teknik drama dilaksanakan dan selepas beberapa minggu semasa teknik drama dilaksanakan. Pengkaji berada di dalam kelas semasa kelas berlangsung untuk memerhatikan penggunaan teknik drama yang digunakan sepanjang pengajaran kelas tersebut. Pengkaji juga mengambil gambar dan merakam video menggunakan pita perakam video. Senarai semak bagi melihat pendekatan pembelajaran konstruktivisme dibina berdasarkan kajian tentang kaedah pembelajaran dalam pendekatan konstruktivisme yang dilaksanakan oleh Zakaria (2015), Md Nasier (2012), dan Md Sah (2012). Manakala senarai semak bagi melihat nilai karakter pelajar dibina berdasarkan kajian-kajian lepas tentang pendidikan karakter dan pembentukan karakter pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah oleh Puspita (2015) Ramli dan Wahid (2018).

Analisis Dokumen

Dalam kajian ini, analisis dokumen dilakukan daripada sumber yang memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan topik kajian yang boleh dihubungkan dengan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis dokumen refleksi pelajar yang ditulis selepas pelaksanaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran serta RPH guru mata pelajaran Bahasa Melayu semasa pelaksanaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

Prosedur Penganalisisan Data

Kajian ini menggunakan analisis tematik menganalisis data-data kualitatif yang diperoleh daripada kajian ini. Dalam hal ini, pengkaji mengenalpasti tema-tema penting daripada data untuk menjawab persoalan kajian seperti yang dinyatakan oleh Clarke dan Braun (2013). Analisis data bermula daripada analisis teks transkripsi temu bual, diikuti dengan pemerhatian dan pembacaan dokumen.

Dapatan Kajian

Soalan 1: Apakah Pendekatan Konstruktivisme Yang Digunakan Dalam Teknik Drama Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran KOMSAS?

Pengkaji telah mengenalpasti lima pendekatan konstruktivisme dalam teknik drama semasa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS iaitu pembelajaran aktif, pembelajaran kooperatif, penyelesaian masalah, pembelajaran ikuiri dan pembelajaran melalui pengalaman sedia ada.

Pembelajaran Aktif dan Pembelajaran Kooperatif Dalam Kelas

Berdasarkan dapatan daripada temu bual, pengkaji mendapati bahawa kesemua informan menyatakan bahawa mereka telah melakukan perbincangan dalam kumpulan. Aktiviti perbincangan dalam kumpulan merupakan salah satu aspek dalam pembelajaran aktif dan pembelajaran kooperatif dalam kelas. Kesemua kenyataan informan tersebut boleh dirujuk melalui petikan temu bual berikut:

“Kami buat perbincangan kumpulan di kelas, lepas sesi persekolahan terus ketua kumpulan mengagihkan watak-watak.” (Informan A)

“Di dalam kumpulan kami semasa perbincangan, semua ahli kumpulan memberi kerjasama.” (Informan B)

“Saya sebagai ketua kumpulan, menetapkan tarikh untuk berbincang dalam kelas dan kami juga ada berbincang melalui chat di whatsapp.” (Informan C)

“Bagi kumpulan saya pula, kami melaksanakan perbincangan kumpulan di sekolah time BM ataupun selepas sekolah.” (Informan D)

“Kami membuat perbincangan kumpulan dengan membahagikan watak-watak yang sesuai dengan personaliti kami.” (Informan E)

“Ketua kami menetapkan tarikh untuk berbincang dan begitu juga melalui internet di chat.” (Informan F)

Selain itu, pengkaji turut mendapati bahawa kesemua informan juga turut menyediakan props dan busana yang diperlukan dalam aktiviti lakonan dalam teknik drama. Kenyataan ini boleh dirujuk dalam petikan temu bual berikut:

“Sebelum drama kami buat... kami bawa props pigi sekolah.” (Informan A)

“Semasa kami lakonan, kami kasi sedia props...” (Informan B)

“...kami pakai props dan urus props...” (Informan C)

“...membuat props...kami berdoa sebelum memulakan drama.” (Informan D)

“... menyediakan props yang diperlukan... kami mempersiapkan diri masing-masing dengan pakaian, makeup dan sebagainya.” (Informan E)

“...semasa kami menguruskan props tersebut.” (Informan F)

Dapatan temu bual ini dilihat selari dengan dapatan daripada kaedah pemerhatian yang dilaksanakan oleh pengkaji ke atas kesemua informan semasa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS menggunakan teknik drama. Berdasarkan senarai semak yang menilai kaedah pembelajaran konstruktivisme dalam teknik drama, perkara yang sangat kerap dilakukan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran adalah pembelajaran berpusatkan pelajar. Pelajar kelihatan sangat aktif dalam pembelajaran kerana semua pelajar mengambil

bahagian dalam lakonan drama. Pelajar juga dilihat menjalankan aktiviti secara koperatif dalam kumpulan masing-masing dan melakukan perbincangan kumpulan untuk melaksanakan aktiviti lakonan mereka. Berdasarkan daripada analisis dokumen RPH guru pula, pengkaji juga turut mendapati bahawa guru Bahasa Melayu mengamalkan pendekatan pembelajaran aktif dan pembelajaran koperatif semasa di dalam kelas.

Penyelesaian Masalah

Berdasarkan dapatan daripada temu bual, pengkaji juga mendapati bahawa informan dapat melakukan penyelesaian masalah apabila menghadapi sesuatu masalah atau cabaran. Sebagai contohnya, informan A, B, C, dan E mempunyai masalah dalam kumpulan dimana terdapat ahli kumpulan yang tidak datang latihan dan tidak memberikan kerjasama dengan baik. Oleh yang demikian, dalam hal ini, mereka dalam kumpulan masing-masing memberikan nasihat dan ketua kumpulan turut mengambil peranan untuk menegur ahli yang tidak memberikan kerjasama. Kesemua kenyataan informan tersebut boleh dibuktikan melalui petikan temu bual berikut:

“...ada beberapa ahli kumpulan yang tidak dapat datang latihan. Jadi kami bagi nasihat sama kawan kami...” (Informan A)

“...ahli kumpulan tidak memberi kerjasama dengan baik dan tidak mendengar cakap...jadi ketua kami kasi nasihat la dorang nasib mendengar juga...” (Informan B)

“...ahli kumpulan yang telampau malas mau pigi latihan, cara sa mengatasi saya tegur dan saya warning...” (Informan C)

“...tiada orang yang memberi kerjasama semasa latihan dijalankan tapi ketua kami tegur dorang...” (Informan E)

Pembelajaran Inkuiri

Berdasarkan daripada dapatan temu bual, pembelajaran inkuiri juga dilihat terlibat dalam teknik drama semasa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS ini. Sebagai contoh, apabila informan ditanya tentang bagaimana mereka menjana idea untuk menjadikan lakonan drama mereka lebih kreatif dan menarik, informan A, C, E, dan F menyatakan bahawa mereka telah merujuk kepada platform dalam talian untuk mencari idea seperti menggunakan Youtube dan Internet. Kenyataan ini boleh dirujuk dalam petikan temu bual berikut:

“Idea kami dapat untuk lakonan kami ialah kami rujuk dari youtube kami tingu drama-drama dari sekolah lain.” (Informan A)

“Kami mendapat idea yang genre kami yang lucu-lucu tu daripada internet, sebab saya suka tingu yang video lucu-lucu.” (informan C)

“...kami juga ada merujuk di youtube tentang drama-drama...” (Informan E)

“Kami mencari idea...melalui internet.” (Informan F)

Selain daripada itu, pengkaji juga mendapati informan menjana idea daripada hasil perbincangan dan buah fikiran daripada rakan-rakan yang lain, seperti yang dinyatakan oleh informan C, D, E, dan F dalam petikan temu bual berikut:

“Kami mendapat idea daripada salah satu ahli kumpulan kami dari segi berlakon, cara menghafal skrip dan pakaian.” (Informan C)

“Saya juga ada bertanya kepada ahli-ahli drama yang lain junior mahupun senior, saya tanya pendapat mereka untuk membuat drama dengan baik. Salah satunya saya minta pendapat daripada seorang ahli drama yang pernah memegang sebagai pelakon lelaki terbaik.” (Informan D)

“Kami pula mendapat idea daripada ketua kumpulan kami sendiri...dan meminta petunjuk daripada kawan-kawan yang lebih berpengalaman dalam drama.” (Informan E)

“Salah satu ahli kumpulan kami yang memberi idea bagaimana pakaian harus disediakan dan lakonannya dan cara menyampaikan skrip. Kami mencari idea melalui perbincangan...” (Informan F)

Pengalaman Sedia Ada

Beberapa informan didapati mempunyai pengalaman berlakon sebelum mengikuti aktiviti teknik drama ini. Menurut informan B, beliau mempunyai pengalaman berlakon drama di luar sekolah dan mendapat tempat pertama dalam pertandingan drama dengan kumpulannya di luar. Informan D juga mempunyai pengalaman berlakon kerana pernah mengikuti drama di sekolah dan dengan bimbingan guru-guru drama informan menjadi seorang pelakon drama. Kenyataan ini boleh dirujuk pada petikan temu bual berikut:

“...saya ada pengalaman berlakon drama semasa mengikuti sebuah pertandingan di luar di Pisompuruan Square dan kami mendapat sebagai juara.” (Informan B)

“...saya pernah ikut drama jadi saya ada pengalaman untuk berlakon. Salah satu juga guru-guru telah membimbing saya menjadi pelakon drama juga.” (Informan D)

Soalan 2: Apakah Faktor Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran KOMSAS Selepas Pelaksanaan Teknik Drama?

Pengkaji telah mengenalpasti dua faktor motivasi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS menggunakan teknik drama iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Motivasi Intrinsik Pelajar

Berdasarkan daripada dapatan temu bual, pengkaji mendapati bahawa kesemua informan suka akan aktiviti drama. Sebagai contoh, informan A menyatakan bahawa informan suka dengan mata pelajaran KOMSAS kerana mengandungi aktiviti lakonan yang mana menonton filem dan lakonan drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS ini adalah merupakan kesukaan beliau. Informan B dan C juga menyatakan suka menonton lakonan atau persembahan drama. Informan E lebih menyukai KOMSAS kerana selepas membaca cerita

KOMSAS, informan dapat melihat lakonan secara langsung dalam kelas. Informan F juga menyatakan suka mengikuti pembelajaran menggunakan teknik drama kerana ianya seperti menonton drama dalam televisyen. Kesemua kenyataan informan tersebut boleh dirujuk melalui petikan temu bual berikut:

“...Sebab sa suka tinggu lakonan sebab macam tinggu movie sebab kawan-kawan yang berlakun lucu-lucu ...” (Informan A)

“...sebab kami suka tengok persembahan drama...” (Informan B)

“...Saya pun suka tengok persembahan dari kawan-kawan lain yang nakal sama lucu...” (Informan C)

“...saya lebih suka sama ini KOMSAS sekarang sebab selepas baca cerita dalam KOMSAS, kami buli tengok lakonan live lagi di dalam kelas...” (Informan E)

“Saya suka mengikuti pembelajaran KOMSAS dengan menggunakan teknik drama sebab saya suka tengok drama macam dalam tv daripada membuat nota.” (Informan F)

Informan D pula menyatakan bahawa beliau memang sukakan dunia lakonan. Informan ingin sekali menyertai kelab Drama KOMSAS Sekolah untuk menjadi pelakon drama. Informan juga suka akan teknik drama kerana melalui kaedah ini informan dapat mencungkil bakat yang ada dalam dirinya dan dapat menonjolkan dirinya dalam bidang seni lakonan, seperti yang dikatakannya dalam petikan temu bual berikut:

“...sa makin suka ni mata pelajaran ini sebab saya memang suka lakonan dan berlakon dan sebab sa salah satu ahli kelab Drama KOMSAS sekolah kelab Drama KOMSAS sekolah...”

“...melalui aktiviti drama ini, sa dapat gilap dan kasi tonjol bakat lakonan sa...” (Informan D)

Informan A dan informan B juga ada menyatakan bahawa mereka mula menyukai mata pelajaran KOMSAS dan tidak merasa bosan kerana ada aktiviti lakonan. Informan B juga menyatakan bahawa beliau suka kerana tidak perlu menyalin nota yang banyak. Kesemua kenyataan informan tersebut boleh dirujuk melalui petikan temu bual berikut:

“...sa mula suka dengan mata pelajaran ini sebab kelas BM tia bosan lagi sebab ada aktiviti lakonan.” (Informan A)

“...Saya pun mula suka sudah ni mata pelajaran sebab tia payah lagi mau salin banyak nota. Masa kelas BM KOMSAS pun makin siok tia lagi bikin mengantuk...” (Informan B)

Dapatan kajian daripada analisis temu bual ini selari dengan dapatan daripada analisis dokumen yang dibuat oleh pengkaji ke atas refleksi selepas menjalankan aktiviti teknik drama beberapa informan. Berdasarkan analisis dokumen refleksi infroman D, E, dan F, pengkaji mendapati

bahawa ketiga-tiga informan ini suka dan minat menonton drama. Walau bagaimanapun, terdapat kontradiksi di mana informan D dan E menyatakan bahawa mereka tidak minat akan aktiviti teknik drama kerana malu untuk menonjolkan dirinya dan dipandang oleh orang jika berada di atas pentas. Dapatan ini boleh dirujuk pada petikan refleksi berikut:

“Antara sebab saya menyukai tentang aktiviti ini adalah memang datang daripada minat saya sendiri setelah saya melihat lakonan drama daripada ahli drama...” (Informan D)

“Saya suka menonton drama tetapi saya tidak minat dalam aktiviti drama kerana saya seorang yang pemalu untuk menonjolkan diri dan tidak biasa dipandang orang ramai di atas pentas.” (Informan E)

“Saya sebenarnya suka menonton drama dan lakonan di TV, tetapi saya tidak minat dalam aktiviti drama di sekolah kerana saya seorang yang pemalu dan tidak selesa dipandang orang ramai ketika di atas pentas.” (Informan F)

Motivasi Ekstrinsik Pelajar

Terdapat beberapa faktor motivasi ekstrinsik yang didapati oleh pengkaji dalam kajian ini. Sebagai contoh, pengkaji mendapati bahawa faktor luaran yang mendorong informan A dan C untuk semakin suka dengan mata pelajaran KOMSAS selepas pelaksanaan teknik drama ialah hadiah yang diberikan oleh guru Bahasa Melayu kepada kumpulan terbaik dalam lakonan. Oleh itu, mereka sentiasa mahu melakukan yang terbaik untuk mendapatkan hadiah tersebut. Manakala informan E pula menyatakan bahawa guru mereka bukan sahaja memberikan hadiah kepada kumpulan terbaik tetapi juga memberikan hadiah kepada pelakon terbaik. Dalam hal ini, informan E juga pernah mendapat hadiah sebagai pelakon terbaik. Kesemua kenyataan informan tersebut boleh dirujuk melalui petikan temu bual berikut:

“Bila kami buat aktiviti drama, cikgu bagi hadiah sama kumpulan yang paling bagus. Lepas tu semua kumpulan mau buat bagus-bagus supaya dapat tu hadiah.”
(Informan A)

“Ya saya pun suka dapat hadiah dari cikgu bila terpilih jadi kumpulan terbaik.”
(Informan C)

“Masa aktiviti drama lagi cikgu bukan saja bagi hadiah sama kumpulan terbaik, tapi dia bagi hadiah juga sama pelakon terbaik. Saya pernah dapat hadiah pelakon terbaik... Hehe...” (Informan E)

Selain daripada hadiah, pujian yang diberikan oleh guru subjek mereka juga merupakan faktor motivasi ekstrinsik informan, seperti yang dinyatakan oleh informan D. Informan D turut menyatakan bahawa guru mereka selalu menegur mereka untuk memperbaiki lakonan dan apabila lakonan mereka baik, dan guru akan memberikan pujian kepadanya. Pujian yang diberikan oleh guru menambahkan semangat kepada informan dalam kelas KOMSAS tersebut, seperti yang dinyatakan dalam petikan temu bual berikut:

"Cigu kami selalu tegur kami untuk kasi bagus lakonan, dan bila lakonan sa bagus cikgu terus puji sa. Itu yang bikin sa tambah bersemangat dalam kelas KOMSAS." (Informan D)

Informan B pula menyatakan faktor lain yang menyebabkan informan suka penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS adalah kerana guru Bahasa Melayu memberikan markah penilaian untuk ditambah dalam gred peperiksaan Bahasa Melayu mereka sebagai kerja kumpulan melalui aktiviti drama yang mereka jalankan. Perkara ini dinyatakan dalam petikan temu bual berikut:

"...cikgu kami juga nilai lakonan kami dan bagi markah kami untuk tambah nanti dalam peperiksaan. Banyak aspek yang cikgu nilai. Tapi saya lupa suda..." (Informan B)

Soalan 3: Apakah Pembentukan Dalam Karakter Pelajar Selepas Pelaksanaan Teknik Drama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran KOMSAS?

Pengkaji telah mengenalpasti nilai etika sebagai aspek yang terlibat dalam pembentukan karakter pelajar selepas pelaksanaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Terdapat lapan nilai etika yang terbentuk dalam karakter pelajar yang telah dianalisis oleh pengkaji. Antaranya adalah nilai kerja keras, dimana pengkaji mendapati bahawa informan A, D, E, dan F telah bekerja keras dalam melakukan aktiviti teknik drama ini. Ini dapat dilihat dalam petikan temu bual berikut:

"Kerja keras, contohnya saya nampak satu kumpulan saya kerja keras mau hafal dialog, kerja keras mau kasi siap ni drama..." (Informan A)

"...kerja keras kami juga telah wujud dalam kumpulan kami kerana hampir setiap hari kami melakukan latihan drama." (Informan D)

"...saya lebih kepada berkerja keras." (Informan E)

"Saya berkerja keras untuk membawa props dan untuk menghafal skrip." (Informan F)

Selain itu, nilai tolong-menolong juga dilihat terbentuk dalam diri informan. Berdasarkan daripada dapatan temu bual bersama informan A, B, E, dan F, pengkaji mendapati bahawa informan bersama ahli kumpulan masing-masing mengamalkan sikap tolong-menolong dalam melaksanakan aktiviti teknik drama ini. Ini dapat dilihat dalam petikan temu bual berikut:

"...tolong menolong, kami satu kumpulan semua betolong-tolong contoh kalau ada latihan kami semua datang trus kalau ada masalah kami semua kasi selesai." (Informan A)

"...kami juga tolong menolong macam ada yang tidak tau macam mana mau buat tu lakonan dia, macam mana dia mau kasi tunjuk itu watak dia dan kalau ada yang berbakat suda dalam lakonan dia tolong itu kawan dia yang tidak bergitu berbakat, dia tolong ajar macam mana mau kasi nampak dia punya watak yang dia pegang." - (Informan B)

“...dapat tolong menolong antara ahli kumpulan, dapat menyediakan props dan menghafal skrip masing-masing.” (Informan E)

“...saya menolong ahli-ahli kumpulan saya untuk menyediakan props dan menyediakan pakaian untuk lakonan.” (Informan F)

Nilai kepimpinan dapat dilihat oleh pengkaji dalam diri informan C dan E, dimana mereka merasa lebih berkempimpinan dalam mengikuti aktiviti teknik drama ini, seperti yang dinyatakan oleh mereka dalam petikan temu bual berikut:

“...saya juga menjadi lebih baik dalam memimpin...” (Informan C)

“sifat kepimpinan telah wujud dalam diri saya, tentang cara mengawal keadaan untuk menjalankan aktiviti drama kami ini.” (Informan D)

Selain itu, informan B menyatakan bahawa semasa aktiviti drama, beliau menjadi berdisiplin dari segi menepati masa dan pemakaian. Informan C yang dilantik sebagai ketua kumpulan pula merasakan bahawa beliau menjadi lebih bertanggungjawab jika ada aktiviti kumpulan dalam kelas. Informan D pula menyatakan bahawa beliau dan ahli kumpulannya menjadi jujur dalam meluahkan perasaan mereka untuk mengetahui masalah yang mereka hadapi. Kenyataan mereka dapat dirujuk dalam petikan temu bual berikut:

“...kami berdisiplin dari segi menepati masa dan juga pakaian.” (Informan B)

“Selepas saya kena kasi jadi ketua dalam aktiviti drama ini, saya lebih bertanggungjawab kalau ada aktiviti kumpulan di kelas.” (Informan C)

“...kami jujur untuk meluahkan perasaan kami antara satu sama lain agar kami dapat mengetahui masalah mereka yang dihadapi.” (Informan D)

Nilai etika lain yang terbentuk dalam diri informan dalam kajian adalah berdikari. Pengkaji mendapati bahawa informan B dan ahli kumpulannya berdikari dalam menyelesaikan suatu masalah yang mereka tidak tahu. Pengkaji mendapati nilai menghargai juga terbentuk dalam diri informan seperti yang dinyatakan oleh informan F, dimana beliau menghargai pertolongan yang diterimanya daripada guru Bahasa Melayu dan ahli kumpulannya. Akhir sekali, nilai rasa ingin tahu juga wujud dalam diri informan, seperti yang dinyatakan oleh informan A, dimana beliau mempunyai rasa ingin tahu dalam mengetahui jalan cerita dan persembahan drama daripada kumpulan lain. Kesemua kenyataan informan tersebut boleh dirujuk melalui petikan temu bual berikut:

“Kami juga berdikari seperti menyelesaikan sesuatu masalah yang kami tidak tau, jadi kami berdikari agar masalah tersebut dapat diselesaikan dengan baik...” (Informan B)

“...saya menghargai segala pertolongan yang diberi oleh cikgu BM kami dan ahli kumpulan kami.” (Informan F)

“...rasa ingin tahu kalau saya, saya mau tau jalan cerita ni cerita and saya mau betul nampak semua drama kumpulan orang lain.” (Informan A)

Dapatan temu bual ini selari dengan dapatan daripada kaedah pemerhatian yang dilaksanakan oleh pengkaji ke atas kelas kesemua informan semasa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS menggunakan teknik drama. Berdasarkan senarai semak yang melihat nilai karakter yang ditunjukkan oleh pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran, pengkaji mendapati bahawa informan C, D dan E jujur dalam mengutarakan pendapat mereka kepada rakan dan guru tanpa berkias. Pengkaji juga mendapati kesemua informan mempunyai disiplin yang tinggi, dan berkerja keras. Setiap kumpulan mempersembahkan drama yang sama tetapi dengan genre dan tema lakonan yang kreatif dengan mengaplikasikan penggunaan multimedia seperti pembesar suara, lampu, kain, mainan muzik yang sesuai dan penggunaan props yang kreatif, begitu juga dengan pemakaian mereka untuk membawa watak yang mereka bawakan. Informan A sering bertanya dengan guru berkaitan dengan persembahan mereka dan persembahan kumpulan lain kerana sifat ingin tahu informan yang sangat tinggi. Bagi sikap menghargai guru dan rakan-rakan pula, pengkaji mengenal pasti informan B, C, dan F sering mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan dan guru apabila mendapat pertolongan daripada mereka. Bagi nilai tolong-menolong, bertanggungjawab dan berdikari, pengkaji mendapati kesemua informan mempunyai sikap ini semasa aktiviti drama. Mereka juga lebih bertanggungjawab dan berdikari untuk melaksanakan aktiviti lakonan mereka serta saling tolong-menolong diantara mereka untuk menyelesaikan masalah tanpa bergantung dengan guru sahaja.

Perbincangan

Penggunaan Pendekatan Konstruktivisme

Hasil daripada dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa pendekatan konstruktivisme dilaksanakan dalam teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail *et al.* (2010) yang menyatakan bahawa corak pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan teknik drama sangat berkait rapat dengan falsafah pembelajaran konstruktivisme. Menurut Epstein *et al.* (2002), peranan utama dalam proses pembelajaran seharusnya dilakukan oleh pelajar atau murid itu sendiri. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa aktiviti drama menggunakan pembelajaran yang dilakukan oleh pelajar sendiri iaitu teknik drama mengamalkan pembelajaran aktif dan koperatif dalam kelas. Pembelajaran ini selari dengan kajian oleh Ismail *et al.* (2010) dan Shraiber dan Yaroslavova (2016) yang menyatakan bahawa murid yang mengikuti teknik drama terlibat secara aktif dan bekerja dalam satu pasukan semasa melaksanakan aktiviti ini. Menurut Md Nasier (2012), pembelajaran aktif menggalakkan pelajar menggunakan minda mereka untuk meneroka idea dan menyelesaikan masalah.

Berdasarkan dapatan kajian juga, pengkaji mendapati bahawa informan-informan dapat membuat penyelesaian masalah secara realistik dan bermakna apabila berhadapan dengan cabaran dalam aktiviti drama ini. Aktiviti teknik drama memerlukan pelajar melakukan pembelajaran dan penyelesaian masalah sendiri untuk membuatkan pelajar aktif dalam aktiviti ini. Menurut Zakaria (2015), pendekatan pembelajaran konstruktivisme memberi kelebihan kepada pelajar agar dapat membuat penyelesaian masalah secara realistik dan bermakna. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Ismail *et al.* (2010) dan Shraiber dan Yaroslavova (2016) yang menyatakan bahawa teknik drama adalah merupakan pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa teknik drama juga mengguna pembelajaran berasaskan inkuiri. Dalam penggunaan teknik drama, informan didapati melaksanakan pembelajaran berasaskan inkuiri semasa informan menjana idea untuk menyampaikan persembahan drama mereka mengikut kreativiti dan inovasi pelajar masing-masing. Kajian ini disokong oleh kajian Ismail *et al.* (2010) yang menyatakan bahawa pemikiran kritis telah dijelmakan melalui aksi kreatif semasa mengikuti aktiviti teknik drama. Dalam hal ini, pelajar diberi kebebasan untuk meneroka idea sendiri dengan bimbingan guru.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS juga merupakan proses pembelajaran yang berlaku apabila pelajar berjaya membina kefahaman sendiri tentang ilmu atau idea baru yang diperolehi melalui pengalaman sedia ada atau skemata. Hasil analisis dalam kajian ini disokong oleh kajian Ghazali *et al.* (2010) yang juga menyatakan murid yang mengikuti pembelajaran menggunakan teknik drama dapat membina kefahaman sendiri tentang ilmu atau idea baru melalui pengalaman sedia ada. Borich dan Tombari (1995) turut menyokong bahawa pendekatan pembelajaran konstruktivisme menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina kefahamannya terhadap perkara yang dipelajari dengan perkaitan antara pengetahuan lama dan pengetahuan baru.

Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS

Pengkaji mendapati bahawa faktor motivasi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran KOMSAS selepas pelaksanaan teknik drama dapat dikategorikan kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Kajian ini menyokong dapatan kajian Lazar (2002), Shraiber dan Yaroslavova (2016), dan Masoumi-moghaddam (2018) yang mendapati bahawa penggunaan teknik drama dapat memberikan motivasi kepada pelajar untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran KOMSAS serta lebih berminat dan berasa seronok dalam mempelajari Bahasa Melayu. Berdasarkan daripada hasil analisis temu bual, pengkaji mendapati bahawa semasa pelaksanaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran, kesemua informan suka menonton lakonan drama seperti dalam wayang televisyen. Mereka membayangkan seolah-oleh mereka menonton drama dalam aktiviti lakonan yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Mereka berasa lebih seronok semasa aktiviti drama. Akan tetapi, berdasarkan daripada hasil analisis dokumen dalam refleksi pelajar, terdapat beberapa informan yang tidak suka untuk tampil di atas pentas kerana merasakan tidak mempunyai kemahiran berlakon seperti menggunakan emosi secara mendalam dan malu untuk menonjolkan dirinya untuk berlakon di atas pentas.

Selain itu, terdapat informan yang menyatakan bahawa mereka minat dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran KOMSAS melalui aktiviti drama, dan aktiviti drama ini dapat menggilap dan menonjolkan bakat lakonannya. Mereka suka dengan aktiviti lakonan drama ini kerana mereka berminat dalam bidang lakonan. Hasil daripada analisis temu bual juga, pengkaji mendapati bahawa informan merasakan aktiviti drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS ini tidak membosankan. Dalam hal ini, informan menyatakan bahawa mereka suka dengan mata pelajaran KOMSAS selepas guru melaksanakan aktiviti drama kerana aktiviti ini menyeronokkan, tidak membosankan dan tidak membuatkan mereka mengantuk dalam kelas. Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Zakaria (2015) yang mendapati bahawa pelajar menganggap KOMSAS sukar dikuasai dan membosankan.

Bagi motivasi ekstrinsik pelajar pula, pengkaji mendapati terdapat beberapa faktor luaran yang memberikan motivasi kepada pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Dalam kajian ini, hasil daripada temu bual pengkaji mendapati motivasi ekstrinsik informan adalah hadiah yang dijanjikan oleh guru. Terdapat informan menyatakan bahawa mereka suka mendapatkan hadiah daripada guru Bahasa Melayu mereka. Guru Bahasa Melayu akan memberikan hadiah kepada kumpulan yang dapat melakukan yang terbaik dalam persembahan lakonan mereka. Selain itu, guru juga akan memberikan hadiah kepada pelakon terbaik dalam lakonan drama. Kenyataan ini disokong oleh Ngu (2012) yang berpendapat bahawa guru perlu memberikan peneguhan sama ada berbentuk ganjaran atau dendaan kepada pelajar semasa dalam kelas untuk mengawal tingkah laku dan berkesan dalam meningkatkan minat belajar pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Pujian yang diberikan oleh guru turut didapati menjadi salah satu aspek motivasi ekstrinsik dalam kajian ini. Dalam hal ini, terdapat beberapa informan yang menyatakan bahawa pujian yang diberikan oleh guru kepada lakonan mereka menambahkan lagi semangat dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Terdapat juga informan yang menyatakan bahawa motivasi mereka mengikuti aktiviti ini adalah disebabkan markah akan diberikan oleh guru Bahasa Melayu dalam penilaian mereka. Oleh kerana markah tersebut akan ditambahkan dalam markah peperiksaan, ini menyebabkan informan lebih suka akan teknik drama yang dilaksanakan oleh guru kerana sebahagian daripada markah peperiksaan akhir mereka adalah melalui persembahan drama yang mereka jalankan.

Pembentukan Karakter Pelajar Selepas Pelaksanaan Teknik Drama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran KOMSAS

Dalam kajian ini, setelah pelajar menjalani pengajaran dan pembelajaran KOMSAS menggunakan teknik drama, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa nilai etika yang terbentuk dalam diri informan. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Jalal dan Omar (1985) yang mendapati bahawa aktiviti lakonan dalam teknik drama dapat memupuk nilai-nilai seperti tanggungjawab, berdisiplin, sabar, prihatin, kerjasama, dan penghasilan persembahan yang kreatif dan gah. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa pelaksanaan teknik drama dapat membentuk nilai-nilai dalam karakter pelajar. Menurut Ramli dan Wahid (2018), aktiviti-aktiviti sekolah seperti teknik drama ini dapat memperkembangkan nilai dan moral bagi memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar yang memiliki identiti, jati diri, dan harga diri untuk membentuk pelajar yang berkarakter unggul.

Antara salah satu nilai etika yang didapati terbentuk dalam karakter pelajar dalam kajian ini adalah nilai kerja keras. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai kerja keras telah wujud dalam diri informan untuk menjayakan persembahan drama mereka. Dalam hal ini, informan bekerja keras untuk menghafal dialog, berlatih, dan membawa props untuk persembahan drama. Selain itu, nilai tolong-menolong juga dilihat telah terbentuk dalam karakter beberapa informan, di mana informan saling tolong-menolong sesama ahli kumpulan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, berkongsi teknik lakonan dan idea, serta menyediakan props dan busana untuk kegunaan persembahan drama. Pengkaji juga mendapati bahawa nilai kepimpinan turut terbentuk dalam karakter beberapa informan, dimana nilai kepimpinan ini dilihat daripada bagaimana informan memimpin rakan-rakan dalam kelas. Nilai berdisiplin dan berdikari pula wujud dalam diri kesemua informan, di mana kesemua informan menunjukkan disiplin yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan mereka menyelesaikan sendiri masalah yang dihadapi tanpa bantuan daripada guru.

Di samping itu, nilai etika lain yang didapati dalam kajian ini ialah nilai tanggungjawab. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa kesemua informan sangat bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas aktiviti lakonan drama yang diberikan oleh guru. Nilai kejujuran juga turut dilihat dalam diri informan, di mana nilai ini terbit apabila mereka jujur dalam meluahkan perasaan mereka untuk mengetahui masalah yang mereka hadapi dan jujur dalam mengutarakan pendapat mereka. Nilai menghargai juga telah wujud dalam karakter informan dimana pertolongan yang diberikan oleh guru Bahasa Melayu dan ahli kumpulan mereka telah membuatkan mereka lebih menghargai pertolongan orang lain. Beberapa informan juga dilihat mengucapkan terima kasih dengan ikhlas selepas menerima pertolongan daripada orang lain. Akhir sekali, nilai rasa ingin tahu juga dilihat menjadi salah satu nilai etika yang terbentuk dalam karakter pelajar dalam kajian ini.

Kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS benar-benar dapat membentuk nilai dalam karakter pelajar seperti yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Zubaedi (2011) dan Ramli dan Wahid (2018). Dalam aktiviti teknik drama, pembentukan karakter telah terbentuk sejak daripada persediaan, semasa pelaksanaan dan selepas pelaksanaan, dan nilai tersebut akan tinggal dalam diri pelajar untuk membentuk pelajar menjadi seorang yang lebih sempurna. Menurut Zubaedi (2011), karakter individu ditentukan oleh tindakan nilai yang diamalkan bagi menjadi panduan dalam kehidupan masyarakat

Kesimpulan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenalpasti lima pendekatan konstruktivisme dalam teknik drama semasa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS iaitu pembelajaran aktif, pembelajaran kooperatif, penyelesaian masalah, pembelajaran ikuiri dan pembelajaran melalui pengalaman sedia ada. Teknik drama melalui lima pendekatan pembelajaran konstruktivisme ini telah memberikan impak yang positif terhadap pemupukan motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Selain itu, sebanyak lapan nilai etika terbentuk dalam karakter pelajar iaitu nilai kerja keras, tolong-menolong, kepimpinan, berdisiplin dan berdikari, bertanggungjawab, kejujuran, dan sifat menghargai.

Justeru, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan mengenai penggunaan teknik drama melalui pendekatan pembelajaran konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dapat dilaksanakan dan memberi fokus kepada pembangunan kemahiran insaniah pelajar dan amalan pembelajaran abad ke-21. Diharapkan kajian lanjutan menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif bagi menerokai amalan pembelajaran abad ke-21 dan kemahiran insaniah pelajar secara mendalam. Kajian lanjutan juga dicadangkan agar dilakukan ke atas pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan empat atau tingkatan lima kerana pelajar menengah atas mempunyai satu mata pelajaran khas untuk mempelajari KOMSAS iaitu mata pelajaran elektif Sastera.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia yang telah membiayai penerbitan kajian ini di bawah Skim Geran Dana NIC, SDN0005-2019.

Rujukan

- Awang, M. I., Daud, Y., Shaari, A. S., Dali, M. H., & Bahador, Z. (2016). Penerokaan awal terhadap motivasi pembelajaran bahasa melayu di sebuah universiti awam di Malaysia. *Proceedings of the ICECRS*, (ms 811-818). <https://doi.org/10.21070/piccrs.v1i1.558>
- Borich, G. D. & Tombari, M. L. (1995). *Educational psychology: A contemporary approach*. Harper Collins College Publisher.
- Chew, F. P. (2009). Pendidikan sastera perpaduan menerusi KOMSAS tingkatan 4: Pelaksanaan dan kesannya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 15-31.
- Chua, Y.P. (2014). *Kaedah dan statistik penyelidikan buku 1, kaedah penyelidikan* (Edisi kedua). Mc Graw Hill.
- Clark, R. (2013). *Drama techniques*. Exeter, IPC.
- Clarke, V. & Braun, V. (2013). Teaching thematic analysis: Over-coming challenges and developing strategies for effective learning. *The Psychologist*, 26(2), 120-123.
- Cresswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Merrill Prentice Hall.
- Dewey, J. (1916). *Democracy and education*. Free Press.
- Epstein, J. L., Sanders, M. G., Simon, B. S., Salinas, K. C., Jansorn, N. R., & Van Voorhis, F. L. (2002). *School, family, and community partnerships : Your handbook for action* (2nd eds). Corwin Press.
- Hamsari, N. A. & Yahaya, A. (2012). Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5(3), 30-57.
- Hashim, S., Yaakub, R., & Ahmad, M. Z. (2003). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. PTS.
- Hmelo-Silver, C. E., Duncann, R. G., & Chinn, C. A. (2007). Scaffolding and achievement in problem-based and inquiry learning: A Response to Kirschner, Sweller, and Clark (2006). *Educational Psychologist*, 42(2), 99-107. <https://doi.org/10.1080/00461520701263368>
- Ismail, G., Zaharuddin, M. & Hanifah. (2010). *Teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu: Tinjauan terhadap sikap dan minat murid orang asli di sekitar negeri Pahang*. [Kertas Projek, Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan]. Diperolehi daripada https://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Microsoft%20Word%20%20Kajian_Teknik_Drama_OrangAsli.pdf
- Jalal, F. & Omar. A. (1985). Aktiviti lakonan murid bagi pemupukan nilai murni dan perpaduan kaum: Analisis di Pekan, Pahang. *Jurnal Perspektif*, 6(2), 26-41.
- Jantan, R. & Raza li, M. (2002). *Psikologi pendidikan: Pendekatan kontemporari*. McGraw-Hill Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2016). Kesahan dan kebolehppercayaan dalam kajian kualitatif. Dalam *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* (1-6). Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Jeffrey, A. (2013). *Penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran sastera (KOMSAS) di sebuah sekolah menengah di daerah Tuaran: Satu kajian kes* (Tidak diterbitkan). [Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan, Iniversiti Malaysia Sabah].
- Kristiawan, M. (2015). Telaah revolusi mental dan pendidikan karakter dalam pembentukan sumber daya Indonesia yang pandai dan berakhlak mulia. *Ta'dib*, 18(1), 13-25. <http://dx.doi.org/10.31958/jt.v18i1.274>

- Lazar, G. (2002). *Literature and language: Teaching, answer guide teachers and trainer*. Cambridge University Press.
- Masoumi-moghaddam, S. (2018). Using drama and drama techniques to teach english conversations to english as a foreign language learners. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 7(6), 6-7. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.7n.6p.63>
- Máster, T. F. D. (2014). *Drama techniques to enhance speaking skills and motivation in the EFL secondary classroom*. [Tesis Ijazah Sarjana, Universitas Complutensis Matritensis]. E-prints Complutense, Repositorio Institucional de la UCM. <https://eprints.ucm.es/id/eprint/32553/>
- Mat Jasin, Z. & Shaari, A. S. (2012). Keberkesanan model konstruktivisme lima fasa needham dalam pengajaran KOMSAS bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 79-92.
- Md Nasier, H. (2012). *Keberkesanan pembelajaran aktif terhadap pencapaian pelajar perempuan dalam biologi*. [Laporan Projek Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].
- Md Sah, N. E. F. (2012). *Kesan Pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri bagi subjek matematik*. [Laporan Projek Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia].
- Merriem, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education* (2nd Ed). Jossey-Bass.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd) Sage Publication.
- Mohamad Nasir, Z. & Hamzah, Z. A. Z. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa melayu. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.263>
- Mohamed Ali, I. N. & Mohammed Zulkepli, M. A. (2015). Drama dalam pembelajaran bahasa melayu. *Seminar Bahasa Melayu (2015)* (ms 66-76). Academy of Singapore Teacher.
- Mohamed, M. N. (1990). *Pengantar psikologi satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majzub, R. (1992). *Psikologi perkembangan untuk bakal guru*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ngu, M. K. (2012). Meningkatkan keberkesanan kawalan kelas menggunakan kaedah ganjaran dan hukuman untuk murid-murid tahun 3. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012* (ms.132-146).
- Piaget, J. (1952). *The Origins of intelligence in children*. W.W. Norton & Co. <https://doi.org/10.1037/11494-000>
- Puspita, F. (2015). *Pembentukan karakter berbasis pembiasaan dan keteladanan (Studi atas peserta didik madrasah tsanawiyah negeri Yogyakarta I)* [Tesis Ijazah Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta]. Institutional Repository UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. <http://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/15943/>
- Ramli, F. N. A. & Wahid, A. (2018). Pendidikan sastera melayu memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 1-14. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol13.1.2018>
- Sabran, M. S. (2005). *Rahsia kecemerlangan akademik*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Samaon, S. S. & Subet, M. F. (2020). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4), 47-54.

- Shraiber, E. & Yaroslavova, E. (2016). Drama techniques in teaching english as a second language to drama techniques in teaching english as a second language to university students. *Education. Educational sciences*, 8(1), 59-65. <https://doi.org/10.14529/ped160108>
- Yusof, A. & Buntat, Y. (2009) *Pendekatan pembelajaran secara konstruktivisme dalam kalangan guru-guru teknikal bagi mata pelajaran teknikal*. [Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia]. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. <http://eprints.utm.my/id/eprint/10475/>
- Zakaria, S. N. (2015). Kesan Pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.
- Zubaedi. (2011). *Pendidikan karakter: Konsep dan aplikasinya dalam lembaga pendidikan*. Kencana.
- Zubir, M. U., Kamaruddin, R., & Sha'ri, S. N. (2018). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa melayu murid tingkatan satu (junior one loyalty) sekolah menengah persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 82-91.